

156193

4000008850

HADIAH

**KANDUNGAN LOGAM BERAT DALAM TIRAM (*Crassostrea iredalei*) DI  
KAWASAN PENTERNAKAN AKUAKULTUR TIRAM DI LAGUN  
MENGKABONG.**



**NOOR ELLIZA OTHMAN**



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA SAINS  
DENGAN KEPUJIAN**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PROGRAM SAINS SEKITARAN  
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Lagun Mengkabong yang terletak di daerah Tuaran, Sabah merupakan sebuah kawasan yang sangat penting dari aspek ekologi dan ekonomi. Lagun ini kaya dengan kepelbagaian biologi dan merupakan salah satu kawasan penternakan akuakultur tiram yang penting di Malaysia. Parameter kualiti air (saliniti, suhu, pH dan oksigen terlarut) dan min kepekatan logam berat (kadmium, plumbum dan zink) dalam sampel tiram yang diambil di kawasan penternakan akuakultur tiram di tiga buah stesen di kawasan lagun tersebut telah diukur. Tiram yang dikaji adalah daripada spesies *Crassostrea iredalei*. Daripada tiga jenis logam yang dikaji, didapati hanya logam zink yang berjaya dikesan kehadirannya dalam sampel tiram dan kepekataannya dipengaruhi oleh saiz tiram tersebut. Julat kepekatan logam zink adalah antara 940-1457 mg/kg manakala saiz tiram yang dikaji pula dibahagikan pula kepada dua saiz iaitu saiz kecil = 4.5 cm dan saiz besar = 8.7 cm. Hubungan di antara parameter kualiti air dan juga kadar kepekatan logam zink dalam tiram diukur dengan menggunakan analisis korelasi. Keputusan menunjukkan bahawa parameter kualiti air yang dikaji tidak mempengaruhi kepekatan zink dalam tiram kerana tidak mempunyai nilai yang signifikan ( $p > 0.05$ ).

